

Graduan

wanita ^{BH} 19/12/06

lebih sekali ganda lelaki

KUALA LUMPUR: Graduan wanita melebihi hampir sekali ganda jumlah pelajar lelaki yang menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada sesi akademik 2005/2006.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, berkata Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menghasilkan paling ramai graduan iaitu seramai 25,560 orang, dengan 17,151 wanita dan 8,409 lelaki.

Beliau berkata, walaupun nisbah di IPTA sekarang ialah satu pelajar lelaki kepada 1.8 pelajar wanita, ia tidak harus ditafsirkan pelajar lelaki kurang berminat melanjutkan pelajaran di universiti,

"Di kolej komuniti umpamanya, pelajar lelaki melebihi pelajar wanita kerana lebih cenderung memilih bidang teknikal berbanding wanita yang memberi tumpuan terhadap akademik," katanya menjawab soalan tambahan Senator Munusamy Mareemuthu pada sidang Dewan Negara, semalam.

Ong berkata, hasil kajian kementeriannya mendapati perbezaan minat antara lelaki dan wanita dalam bidang pengajian memberi gambaran seolah-olah tidak ramai pelajar lelaki berjaya dari segi akademik, sedangkan itu bukan hakikatnya.

Menjawab soalan asal Senator Datuk Kamarudin Ambok, beliau menjelaskan daripada 79,337 graduan di 17 IPTA seluruh negara yang menamatkan pengajian pada sesi akademik 2005/2006, 485 adalah pada peringkat PhD dengan 289 lelaki dan 196 perempuan.

Seramai 6,785 pelajar pula belajar pada peringkat sarjana dengan 3,284 lelaki dan 3,501 perempuan, manakala 50,989 peringkat sarjana muda (33,271 wanita dan 17,718 lelaki) dan 20,402 peringkat diploma merangkumi 12,856 pelajar wanita dan 7,546 lelaki.

Bagi sesi akademik baru 2005/2006, 307,733 pelajar sedang mengikuti pengajian di IPTA pada peringkat ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, diploma lepasan ijazah, sarjana muda dan diploma.